

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/2005

GARIS PANDUAN PENGURANGAN KOMPAUN TERHADAP KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN DIBAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

1. Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai garis panduan pengurangan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN).
2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 4/2005 yang bersidang pada 16hb. Februari 2005 dalam menimbang kertas MMK Bil: 4/190/2005(4) telah bersetuju dengan garis panduan pengurangan kompaun terhadap kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana berikut :-
 - 2.1 Hanya Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Timbalan-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah diberi kuasa untuk menimbang dan mengurangkan kompaun yang dikenakan.
 - 2.2 Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh mengurangkan kompaun tidak melebihi kadar maksimum sebanyak 50% pengurangan terhadap kadar kompaun yang dikenakan.
 - 2.3 Timbalan-Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Negeri boleh mengurangkan kompaun tidak melebihi kadar maksimum sebanyak 25% pengurangan terhadap kadar kompaun yang dikenakan.

- 2.4 Semua pengurangan bayaran kompaun hendaklah direkodkan dan dinyatakan alasan-alasan pengurangan kompaun tersebut dalam Buku Daftar Rekod Pengurangan Kompaun.
 - 2.5 Rayuan pengurangan kompaun hanya boleh dipertimbangkan terhadap mereka yang mematuhi tempoh masa notis peringatan sahaja.
 - 2.6 Hanya Pengarah Tanah dan Galian Negeri mempunyai kuasa untuk membatalkan kompaun yang dikenakan.
 - 2.7 Kompaun boleh dibatalkan sekiranya Pengarah Tanah Dan Galian Negeri berpuas hati terhadap bukti-bukti yang dikemukakan oleh mereka yang dikompaun bahawa mereka tidak melakukan kesalahan sebagaimana yang dikompaun.
3. Pentadbir-Pentadbir Tanah diminta mengambil maklum mengenai Garis Panduan ini bagi memastikan tahap ketelusan yang tinggi dalam prosedur pengurangan bayaran kompaun.
 4. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

t.t

.....
(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN

KEPADА:

YABrs, Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.PK. 18/8/2 (6)

BERTARIKH : 23 MAC, 2005